

KPT perluas program SULUNG mulai tahun depan

BATU PAHAT - Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan memperluaskan Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia atau lebih dikenali sebagai SULUNG kepada 20 universiti awam tahun depan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, KPT turut menyasarkan seramai 200 penuntut universiti awam akan terpilih menyertai program SULUNG.

Menurutnya, program tersebut telah memulakan pengambilan pertama bermula Oktober tahun ini, bertujuan memberikan peluang kepada generasi pertama dalam kalangan keluarga B40 yang belum ada ahli keluarga melanjutkan pengajian ke pusat pengajian tinggi.

"Seramai 76 penuntut daripada 115,477 permohonan kemasukan ke institut pengajian tinggi awam (IPTA) melalui UPUOnline telah terpilih ditawarkan sebagai Siswa SULUNG.

"Terdapat lapan universiti awam perintis yang terlibat iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)," kata Noraini.

Beliau berkata demikian pada Program SULUNG dan Penyampaian Surat Tawaran Program Penajaan KPT di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini pada Rabu.

Menurut Noraini, KPT turut menyediakan biasiswa dan bantuan kewangan kepada kumpulan sasar merangkumi tenaga pengajar di institusi awam serta mereka yang layak melanjutkan pengajian daripada peringkat sijil sehingga ke ijazah lanjutan.

"Sebanyak RM150 juta telah diperuntukkan bagi tujuan penajaan pendidikan kepada 30,314 penuntut tahun ini.



Noraini (empat dari kiri) bergambar bersama penuntut dan wakil universiti awam pada Program SULUNG dan Penyampaian Surat Tawaran Program Penajaan KPT di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM, Batu Pahat pada Rabu.

"Bagi mereka yang datang daripada keluarga B40, KPT turut menawarkan Bantuan Kewangan Asasi dan Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK), manakala bagi golongan orang kurang upaya (OKU) pula, Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU) serta Program Pendidikan Khas (PPK) disediakan," katanya.

Dalam pada itu, Noraini berkata, kerajaan turut

cakna keperluan penuntut melalui pembekalan tablet di bawah inisiatif Peranti Siswa Keluarga Malaysia.

"Selepas permohonan fasa dua ditutup 30 September lalu, sebanyak 474,311 permohonan diterima di seluruh negara.

"Seterusnya sehingga 20 Oktober lalu, sebanyak 291,096 permohonan telah diluluskan iaitu lebih 61 peratus daripada jumlah permohonan," katanya.